

INFO PDP



Menarik

- Apakah makna 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi?

Akta 709 telah dikuatkuasa sepenuhnya pada 15 November 2013 adalah bertujuan mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh Pengguna Data serta melindungi kepentingan data peribadi umum.

LAWATAN KE AGENSI-AGENCI PENGGUNA DATA

BERITA EKSKLUSIF BULAN INI

APA KATA PENGGUNA DATA?

7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang perlu dipatuhi oleh seseorang Pengguna Data iaitu:-

- **Prinsip Am** – Seseorang tidak dibenarkan memproses data peribadi tanpa kebenarannya.
- **Prinsip Notis dan Pilihan** – Tujuan dan maklumat awal data diproses perlu dimaklumkan kepada subjek data.
- **Prinsip Penzahiran** – Tujuan data peribadi pemilik data yang hendak diproses perlu dizahirkan secara jelas.
- **Prinsip Keselamatan** – Pengguna Data perlu mengambil langkah-langkah supaya data tersebut selamat dan dilindungi ketika pemprosesan data peribadi pemiliknya.
- **Prinsip Penyimpanan** – Sesuatu data peribadi tidak dibenarkan disimpan lebih daripada had masa yang diperlukan.
- **Prinsip Integriti Data** – Maklumat data peribadi perlulah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini menepati maksud sesuatu data itu disimpan.
- **Prinsip Akses** – Pemilik data perlu diberikan hak akses terhadap data peribadinya dan boleh membetulkan datanya supaya terkini.

MALYSIAN AIRLINES SYSTEM (MAS)

“Di Malaysian Airlines System (MAS), kita telah melaksanakan perlindungan data peribadi bermula sejak tahun 2010 lagi.

Bermula dengan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (Information Security Management System) bagi Sektor Prasarana Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure) melalui arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia”.



- **Caren Lee Min Wah, Pengurus Kawasan Selatan, MAS Johor (26 Februari 2015)**

SUNWAY COLLEGE, JOHOR BAHRU, JOHOR



“Kami telah hentikan promosi melalui e-mel, sekarang kami menggunakan medium baru iaitu media sosial (Facebook).

Orang awam yang ingin mengetahui lebih lanjut berkaitan kursus yang ditawarkan dan sebagainya, mereka perlu like Facebook kami dan di situ mereka akan bertanya soalan dan apa sahaja yang mereka mahukan.

Melalui facebook juga kami akan memuat naik apa-apa promosi atau info berkaitan kemasukan pelajar, kursus yang ditawarkan dan apa sahaja untuk tujuan promosi”.

- **Puan Maria Fong, Pegawai Pentadbiran, SUNWAY Collage, Johor Bahru, Johor. (25 Februari 2015)**

ASIAN BROADCASTING NETWORK (M) SDN. BHD.



“Kami berasa amat berbangga kerana Malaysia merupakan negara ASEAN terawal yang melaksanakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Apabila kami mengurus niaga dengan negara luar seperti Singapura, Indonesia dan Filipina mereka lebih yakin untuk mengurus niaga bersama kami dan nyata secara tidak langsung imej kami di luar negara juga terus meningkat.

Kami juga telah mengambil langkah ke arah pelaksanaan dan mematuhi Akta ini.

Salah satunya, kami telah memberi pendedahan kepada semua kakitangan dan pengedar berkaitan ini.

Kami juga telah mengeluarkan *hand book personal data protection* sebagai Garis Panduan dan penjelasan lanjut berkaitan Akta ini”.

- Ok Lim, Pengurus Besar Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Kewangan PPHP Marketing Sdn. Bhd. (26 Februari 2015)

“Syarikat kami, ABN (M) Sdn. Bhd. sememangnya ada menzahirkan data peribadi pelanggan kepada pihak pemproses data peribadi yang telah kami lantik dan mereka perlu mematuhi prinsip perlindungan data peribadi seperti yang termaktub dalam kontrak antara syarikat kami dan pihak pemproses data.

Melalui sistem yang dibangunkan, pemproses data hanya dibenarkan untuk melihat paparan data peribadi seperti nama, alamat dan nombor telefon.



Pemproses data tidak boleh memuat turun, menyalin serta mengubahsuai data tersebut. Setiap pemproses data juga diberikan satu ID untuk setiap individu pemproses data untuk akses masuk sistem ini”.

- Joseph Roy, Pengurus ABN (M) Sdn. Bhd., Johor Bahru (27 Februari 2015)

KEMPAS MEDICAL CENTRE, JOHOR

“Akta Ini memang bagus. Tetapi tidak ramai orang yang mengetahuinya lagi. Kami pun masih belum memahami dengan terperinci berkaitan akta ini. Kami berharap kami boleh turut serta dalam apa-apa seminar atau latihan sekiranya pihak Jabatan ada anjurkan. Tambahan pula, hospital kami hanya ada di Johor Bahru, jadi kami harap pihak Jabatan boleh anjurkan di Johor Bahru supaya ramai kakitangan kami boleh turut serta”.

- Puan Mei Ling, Kempas Medical Centre, Johor (25 Februari 2015)



INTERHILL ENTERPRISE. SDN.BHD

“Saya merasakan bahawa Akta ini memang bagus untuk imej syarikat kami. Kehadiran pasukan Pesuruh jaya Perlindungan Data Peribadi pada hari ini membantu menjelaskan banyak keraguan lalu mengenai pelaksanaan Akta 709 ini.

Saya merasakan perbincangan pada hari ini membuahkan hasil yang positif. Sebagai Subjek Data pula saya merasakan bahawa data peribadi saya dilindungi. Akta ini sangat bagus sebenarnya tetapi saya merasakan kesedaran terhadap penguatkuasaan Akta ini masih rendah”.

**Mrs. Kuan Lee Kion
Group Accountant/Financial Controller
Interhill Enterprise Sdn. Bhd.
(10 Mac 2015)**



HORNBILL TRAVEL AGENCY SDN.BHD



“Akta ini bagus untuk melindungi data peribadi daripada disalahgunakan sekiranya kita memahami maksud terhadap pelaksanaan akta ini, tetapi, saya merasakan bahawa kesedaran terhadap pelaksanaan Akta ini masih kurang dan perlu dipertingkatkan”.

Mrs. Quah Siew Lian
Senior Finance Manager
Hornbill Travel Agency
(11 Mac 2015)

SARAWAK ENERGY



“Secara peribadi saya merasakan Akta ini akan dapat melindungi data peribadi individu tanpa kompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat.

Bagi pihak organisasi pula pastinya pelaksanaan Akta ini akan menambahkan kebolehpercayaan pekerja, individu dan masyarakat terhadap SESCO.

Apabila masyarakat umumnya mengetahui bahawa SESCO serius terhadap pelaksanaan akta ini ianya bagus untuk imej organisasi kerana ini menunjukkan data peribadi pelanggan selamat bersama kami. Reputasi kami pasti akan meningkat”.

Mrs. Julia Shim
Chief Information Officer, Sarawak Energy
(10 Mac 2015)

MAYBANK BERHAD, KUANTAN, PAHANG




” Sebagai salah sebuah bank peneraju di Malaysia, kami sentiasa mengutamakan keselamatan peribadi pelanggan kami daripada disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kami juga telah memberi pendedahan tentang kepentingan APDP 2010 kepada semua kakitangan di seluruh negara ”.

-Puan Cynthia Leow Po-Po, Head of Group Compliance Strategic, Maybank Berhad, Kuantan, Pahang.
(17 Mac 2015)

GUARDIAN HEALTH & BEAUTY SDN. BHD.



“Akta ini masih baru bagi kami. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memahami dan mematuhi akta ini. Akta ini dilihat mampu meningkatkan keyakinan pelanggan dalam pengurusan data peribadi sensitif mereka”.

- Chew Loon Chai, Area Manager/Pharmacist, Guardian Health & Beauty Sdn. Bhd.
(16 Mac 2015)

AGENSI PEKERJAAN BINTANG RAJIN SDN. BHD.

PENGURUSAN AIR PAHANG



“Lawatan ini sangat membantu saya dalam memahami Akta 709. Banyak perkara yang perlu saya teliti dan perbaiki daripada segi pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi pelanggan serta data kakitangan saya. Pada pandangan saya, Akta ini sangat bagus dan ianya boleh membantu meningkatkan imej syarikat serta memberi keyakinan kepada pelanggan yang berurusan dengan kami”.

- YBhg. Dato’ David Lee Yong Wei, Pengarah Urusan Agensi Pekerjaan Bintang Rajin Sdn. Bhd. (17 Mac 2015)



“Notis Perlindungan Data Peribadi telah diberikan kepada semua pelanggan kami melalui bil penggunaan air di sekitar Kuantan.

Selain itu, notis privasi telah dipaparkan di laman sesawang kami di www.paip.com.my. Sebagai langkah keselamatan melindungi data peribadi, pihak kami telah melaksanakan *Information Security Management System (ISMS):27001* pada tahun ini”.

-Puan Nafhatun Jalilah Binti Mohamed Azri, Penolong Pengurus Korporat Daerah Kuantan, Pahang (17 Mac 2015)

Tata Cara Aduan Awam Berkaitan Penyalahgunaan Data Peribadi Dalam Transaksi Komersial

<p>Bagaimanakah orang ramai boleh membuat laporan kepada Jabatan / Pesuruhjaya – Apakah prosedurnya?</p> <p>Orang ramai boleh mengemukakan sebarang aduan yang berkaitan APDP 2010 (Akta 709) sekiranya merasakan sebuah organisasi atau seseorang telah melanggar salah satu daripada 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi.</p>	<p>Berikut adalah amalan yang disarankan kepada pengadu iaitu:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pengadu perlu membuat aduan dan memohon penjelasan kepada organisasi yang terlibat terlebih dahulu; ii) Sekiranya pengadu masih tidak berpuas hati dengan jawapan dan tindakan yang diambil oleh organisasi berkenaan, maka, pengadu bolehlah terus membuat aduan kepada pihak Pesuruhjaya melalui alamat aduan yang disertakan bagi membolehkan penyiasatan boleh dijalankan; iii) Sekiranya pengadu masih terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya berhubung perkara tersebut, maka, ia bolehlah merayu kepada Tribunal Rayuan dengan memfailkan suatu notis rayuan dengan Tribunal Rayuan. 	<p>Butir-butir yang perlu semasa membuat aduan:-</p> <p>Anda hanya perlu menulis surat kepada Pesuruhjaya atau e-mailkan kepada aduan@pdp.gov.my melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi untuk menjelaskan kes anda.</p> <p>Dalam surat atau e-mel anda, anda perlu menyatakan perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Nama organisasi atau orang yang anda mengadu; 2) Menerangkan sebab kebimbangan anda; 3) Memberi butir-butir tindak balas yang mana anda telah terima daripada organisasi yang disyaki punca kebocoran maklumat; 4) Menyediakan salinan apa-apa surat atau e-mel mengenai perbincangan anda dengan organisasi atau individu berkenaan. 	<p><u>Sebarang aduan awam dan pertanyaan sila kemukakan kepada:-</u></p> <p>Alamat Surat Menyurat:</p> <p>Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia</p> <p>Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia Lot 4G9, Persiaran Perdana Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62100 Putrajaya Tel: 03 8911 5000/7927/7906/7965 Fax: 03 8911 7959 Email: info@pdp.gov.my</p> <p>Website: http://www.pdp.gov.my</p> <p>Aduan Awam: aduan@pdp.gov.my</p>
---	--	--	---

**Sila muat turun Borang Aduan berkaitan http://www.pdp.gov.my/images/pdf_folder/pdf_borang_aduan_final1_2014.pdf